



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KOMUNITI RUKUN TETANGGA DAN TABIKA PERPADUAN MEMPERKASA KELUARGA MALAYSIA

27 Mac 2022, Pulau Pinang – Usaha memupuk persefahaman di antara individu, kelompok, kaum dan bangsa merupakan suatu usaha yang berterusan yang boleh dan harus dipupuk bermula dari pendidikan awal kanak-kanak sehingga peringkat komuniti.

2. Sehubungan itu, Pelan Pemeraksanaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021 -2030 merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkasa dan memperkukuhkan lagi peranan Rukun Tetangga sebagai sebuah organisasi sukarela dalam komuniti yang dianggotai oleh pelbagai lapisan Keluarga Malaysia.

3. Sebanyak RM50 juta peruntukan geran telah disediakan oleh Kerajaan kepada 8330 Kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara bagi menjalankan inisiatif di bawah Pelan Pemeraksanaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021 -2030 ini.

4. Sejumlah RM2,814,000 diperuntukkan bagi 469 Kawasan Rukun Tetangga yang aktif di negeri Pulau Pinang untuk memperkasa kepimpinan komuniti melalui teras, strategi dan program-program yang lebih berstruktur dan berfokus tetapi fleksibel agar Komuniti Rukun Tetangga dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya. Dengan peruntukkan ini, semua peringkat komuniti akan dilibatkan melalui program dan aktiviti dirancang seperti digariskan dalam panduan Gerak Kerja Komuniti Rukun Tetangga 2022. Gerak kerja ini akan menjadi panduan lengkap kepada setiap KRT dalam melaksanakan program dan aktiviti yang meliputi tujuh (7) kluster program iaitu:

- i. Kebudayaan
- ii. Sukan dan Rekreasi
- iii. Kesihatan dan Kebersihan
- iv. Pendidikan dan Kemahiran
- v. Keselamatan
- vi. Keharmonian
- vii. Pengurusan dan Pentadbiran

5. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique telah menyampaikan **Geran Rukun Tetangga Komuniti Sejahtera Keluarga Malaysia peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2022** dan melancarkan **Gerak Kerja Komuniti KRT Tahun 2022** bertempat di Hotel Ixora, Bandar Perai Jaya, Pulau Pinang.

6. YB Menteri Perpaduan Negara turut merasmikan **Majlis Program Tabika Perpaduan Dihatiku Bagi Tahun 2022** bertempat di **Tabika Perpaduan Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang** dengan membuat serahan *starter kit* kepada murid dan Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP).

7. Kementerian Perpaduan Negara memperuntukkan sebanyak RM4.2 juta bagi menyediakan *starter kit* kepada 1,781 buah Tabika Perpaduan yang melibatkan seramai 37,000 murid di seluruh negara dalam memastikan kebajikan semua anak-anak tabika terpelihara.

8. Seramai 2,466 kanak-kanak Tabika Perpaduan menerima manfaat ini di negeri Pulau Pinang dengan peruntukkan sebanyak RM271,260.00. Ini adalah antara usaha mengurangkan beban setiap ibu bapa menguruskan anak untuk memulakan alam persekolahan di Tabika Perpaduan. *Starter kit* ini terdiri daripada:

- i. Baju uniform 2 set
- ii. Tuala muka
- iii. Beg galas
- iv. Set alat tulis
- v. Set berus dan ubat gigi

7. Selaras dengan halatuju Kementerian, Teras Pendidikan Tabika Perpaduan juga diperkukuhkan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan kepada **penghayatan pendidikan rukun negara** dan meraikan kepelbagaian kaum, budaya dan adat resam. Kementerian telah menyediakan Buku Aktiviti Rukun Negara yang bertujuan memupuk kesedaran dalam penerapan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan elemen rukun negara dalam kehidupan seharian.

Kementerian Perpaduan Negara

27 Mac 2022

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (119)